



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

PENGLIBATAN GOLONGAN BELIA DALAM SEKTOR INDUSTRI KREATIF DI PERLIS

Natasha Amira Binti Thobidin @ Hussain

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2015

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

P KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000273863

**PENGLIBATAN GOLONGAN BELIA DALAM SEKTOR INDUSTRI KREATIF DI
PERLIS**

NATASHA AMIRA BINTI THOBIDIN @ HUSSAIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Seni

Gunaan dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

Q1 JUN 2015

This declaration is made on the day of 2015.

Student's Declaration:

I NATASHA AMIRA BINTI THOBIDIN @ HUSSAIN, 37442, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled Penglibatan Golongan Belia Dalam Sektor Industri Kreatif di Perlis

is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

30 / 6 / 2015

Date submitted

Natasha Amira Binti Thobidin @
Hussain (37442)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I En Mazdan Bin Ali Amaran (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled Penglibatan Golongan Belia Dalam Sektor Industri Kreatif di Perlis

(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

En Mazdan Bin Ali Amaran

(Name of the supervisor)

Date:

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (/)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature (John Sulj) /
30/6/2015

Supervisor signature: (W.W.)
10 JUN 2015

Current Address:

P/S B55 Kampung Serdang, 02700 Simpang Ampat, Perlis.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk "Penglibatan Golongan Belia Dalam Sektor Industri Kreatif di Perlis" telah disediakan oleh Natasha Amira Binti Thobidin @ Hussain dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni)

Diterima untuk diperiksa oleh:



Tarikh:
10 JUN 2016

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH S.W.T YANG MASA PEMURAH LANGI MASA PENGASIHAN

Syukur Alhamdulillah, akhirnya saya dapat menyiapkan penyelidikan Tahun Akhir saya dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Encik Mazdan Bin Ali Amaran selaku penyelia dalam membantu menyiapkan Projek Sarjana Muda ini di samping memberi panduan, bimbingan, tunjuk ajar, kritikan-kritikan yang membina serta sanggup meluangkan masa bagi memperolehi mutu kajian ilmiah yang sempurna. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pemberi maklumat saya iaitu En. Jefry bin Ahmad yang merupakan pensyarah di Kolej Komuniti Arau, Puan Nooritta binti Awang dan En. Roslan Bin Mahamood guru Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Ahmad, En. Mahadi bin Said, Pegawai Perbandaran Kangar, dan En. Harun Bin Samad. Pegawai JKKN Perlis serta responden-responden saya kerana tanpa mereka kajian saya tidak akan lengkap. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Kebudayaan dan Seni Negeri Perlis kerana banyak membantu saya memberikan maklumat-maklumat yang saya perlukan sepanjang kajian saya ini dijalankan. Akhir sekali, sekalung penghargaan yang istimewa buat mak, ayah dan keluarga serta sahabat-sahabat yang banyak membantu dalam proses menyiapkan Projek Sarjana Muda ini. Segala budi dan jasa yang dicurahkan hanya Allah S.W.T sahaja yang membalaunya Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	v
Abstrack	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Singkatan	ix
Senarai Jadual	x1
BAB I PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	10
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Kerangka Kajian	14
1.5 Skop Kajian	15

1.6 Kepentingan Kajian	15
------------------------	----

1.7 Ringkasan Bab	17
-------------------	----

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 Pendahuluan	18
-----------------	----

2.1 Definisi dan Perkaitan Kajian	19
-----------------------------------	----

2.2 Ringkasan Bab	30
-------------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan	31
-----------------	----

3.1 Reka Bentuk Kajian	31
------------------------	----

3.2 Kaedah Pengumpulan Data	33
-----------------------------	----

3.3 Analisis Data	37
-------------------	----

3.4 Kaedah Penganalisisan Data	39
--------------------------------	----

3.5 Sasaran Responden	39
-----------------------	----

3.6 Lokasi Kajian	40
-------------------	----

3.7 Instrument Kajian	40
-----------------------	----

3.8 Limitasi Kajian	41
3.9 Ringkasan Bab	42

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan	43
4.1 Latar Belakang Responden	44
4.2 Analisa Kesahihan	49
4.3 Analisa Kekerapan	51
4.4 Analisa Taburan Silang	73
4.5 Ringkasan Bab	85

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan	86
5.1 Perbincangan	86
5.2 Kesimpulan Dan Cadangan	91
Rujukan	94
Lampiran	99

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat faktor penglibatan golongan belia dalam industri kreatif di Perlis dalam meningkatkan ekonomi setempat. Borang soal selidik sebanyak seratus lima puluh set soalan telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada responden dan menemubual seramai lima orang pemberi maklumat yang terdiri daripada pegawai JKKN Perlis dan guru untuk mendapatkan maklumat bagi menyokong data yang diperoleh daripada responden. Data yang diperoleh melalui borang soal selidik diproses dengan menggunakan perisian SPSS 20. Dibahagian akhir terdapat beberapa cadangan yang telah diberikan oleh pengkaji untuk menjadi rujukan mana-mana pihak pada masa akan datang.

ABSTRACT

This study aims to look at the involvement of the youth in the creative industry in Perlis in improving the local economy. Questionnaire of one hundred and fifty sets of questions have been used by researchers to obtain information from respondents, and up to five people to interview informants consisting of Perlis JKKN officials and teachers to get information to support the data collected from respondents. Data were collected through questionnaires were processed using SPSS 2.0. The ends are some suggestions that have been given by researchers to be a reference to any party in the future.

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH		MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka Kajian.	14
Rajah 3.1.1	Model Kajian.	32
Rajah 4.1	Kategori Jantina Responden.	44
Rajah 4.2	Kategori Kumpulan Umur Responden.	45
Rajah 4.3	Jenis Pekerjaan Responden.	47
Rajah 4.4	Kategori Bangsa Responden.	48
Rajah 4.5	Kebarangkalian Mengetahui Tentang Kewujudan Sektor Industri Kreatif Di Perlis.	51
Rajah 4.6	Sumber Belia Mengetahui Tentang Sektor Industri Kreatif Di Perlis.	54
Rajah 4.7	Sektor Industri Kreatif Dalam Memberikan Manfaat Kepada Masyarakat Di Perlis.	56
Rajah 4.8	Peratusan Tahap Minat Belia Terhadap Sektor Industri Kreatif Di Perlis.	57

Rajah 4.9	Faktor Kurangnya Penglibatan Belia Dalam Sektor Industri Kreatif Di Perlis.	59
Rajah 4.10	Peratusan Tahap Minat Golongan Belia Dalam Sektor Industri Kreatif.	62
Rajah 4.11	Peratusan Sektor Industri Kreatif Yang Diminati Belia Mengikut Bidang.	64
Rajah 4.12	Peratusan Faktor Penglibatan Belia Dalam Industri Kreatif.	66
Rajah 4.13	Peratusan Masyarakat Melawati Sektor Seni Di Perlis.	68
Rajah 4.14	Peratusan Bidang Yang Terdapat Di Perlis Yang Lebih Menarik Minat Golongan Belia.	69

SENARAI SINGKATAN

UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
FSGK	Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
JKKN	Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan Negara
IKS	Industri Kecil Dan Sederhana
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
DIKN	Dasar Industri Kreatif Negara
PFM	Persatuan Pengeluar Filem Malaysia
SUK	Setiausaha Kerajaan
KEKKWA	Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan Malaysia
FINAS	National Film Development Corporation Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific And Cultural Organization
UKDCMS	United Kingdom Department For Culture, Media And Sport
ETP	Program Transformasi Ekonomi
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
MED	Model Ekonomi Baru
FAMA	Federal Agricultural Marketing Authority

SDM	Sumber Daya Manusia
SPSS	Statistical Package For Social Science
PKMA	Pusat Khidmat Maklumat Akademik
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
ICU	Unit Penyelarasaran Perlaksanaan

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		MUKA SURAT
Jadual 4.1	Tahap Skala Likert	35
Jadual 4.2	Peratusan Paling Tinggi, Paling Rendah Dan Min Serta Kekerapan Responden.	72
Jadual 4.3	Peratusan Taburan Silang Antara Jantina Dan Pengetahuan Kewujudan Sektor Industri Kreatif Di Perlis.	73
Jadual 4.4	Jumlah Analisa Taburan Silang Antara Kumpulan Umur Dan Bidang Yang Diminati.	74
Jadual 4.5	Jumlah Analisa Taburan Silang Antara Minat Golongan Belia Terhadap Sektor Industri Kreatif Di Perlis.	76
Jadual 4.6	Jumlah Analisa Taburan Silang Antara Kumpulan Umur Dan Kebarangkalian Minat Dalam Sektor Industri Kreatif.	77

Jadual 4.7	Jumlah Analisa Taburan Silang Kebarangkalian Meminati Industri Kreatif Dan Faktor Penghalang.	79
Jadual 4.8	Jumlah Analisa Taburan Silang Kumpulan Umur Dan Bidang Yang Lebih Menarik.	80
Jadual 4.9	Jumlah Analisa Taburan Silang Diantara Jantina Dan Istilah Lelaki Lembut Bagi Lelaki Yang Mencebur Seni Persembahan.	82
Jadual 4.10	Jumlah Analisa Taburan Silang Diantara Kumpulan Umur Dan Seni Kraf Tangan Untuk Golongan Tua	83
Jadual 4.11	Jumlah Analisa Taburan Silang Kumpulan Umur Dan Bidang Seni Tiada Masa Depan	84

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Dalam bab 1 ini, pengkaji akan mengkaji tentang latar belakang kajian, objektif kajian, kerangka kajian, skop kajian, serta kepentingan kajian. Melalui kajian ini, pengkaji akan mengkaji faktor kurangnya penglibatan golongan belia dalam sektor industri kreatif di Perlis. Di samping itu, pengkaji juga akan turut mengkaji hubungan antara jenis-jenis industri kreatif yang terdapat di Perlis dengan minat golongan belia dan persepsi motivasi dalam kalangan belia dalam penglibatan mereka dengan sektor industri kreatif.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1.1 SUMBANGAN INDUSTRI KREATIF TERHADAP EKONOMI NEGARA

Sektor industri kreatif merupakan salah satu sektor yang menggunakan budaya sebagai input dan sumber daya manusia dalam menghasilkan output yang berfungsi. Contoh output yang dikeluarkan sektor ini adalah seperti reka bentuk industri, fesyen, seni bina dan banyak lagi. Kreativiti dan inovasi merupakan tunjang utama dalam sektor Industri Kreatif dalam membina budaya ekonomi kreatif. Ekonomi kreatif merupakan salah satu aset negara yang paling

berkembang maju dalam meningkatkan ekonomi Malaysia pada masa ini. Dengan adanya dasar-dasar yang jelas dan akta-akta yang komprehensif, industri kreatif boleh mengubah kesemuanya termasuklah dari segi pendapatan dan taraf hidup rakyat. Pelbagai cara dapat digunakan oleh sektor ini dalam membantu masyarakat merijana pendapatan seperti, mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan eksport. Di samping mengubah taraf hidup, sektor industri kreatif juga dapat membantu kepada perpaduan sosial dalam kalangan masyarakat terutamanya negara Malaysia yang sememangnya terkenal kerana mempunyai masyarakat berbilang kaum dan etnik. Perusahaan industri kecil dan sederhana atau dikenali sebagai IKS juga bakal melonjak naik sekiranya kita berkecimpung di dalam sektor industri kreatif ini. Antara jenis-jenis pekerjaan yang terdapat dalam industri kreatif ialah seni kraf tangan, reka bentuk industri, seni muzik, seni filem dan media, buku dan sastera, seni persembahan, dan peristiwa.

Ekonomi antarabangsa kini menunjukkan bahawa sektor industri ini sangat penting dalam menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara maju. Sebagai contoh, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika Syarakat telah menerima sebanyak USDS3 trilion daripada industri ini. Melihat kepada perspektif ekonomi dan sosiol budaya di Malaysia, sebanyak RM9.4 bilion telah disumbangkan oleh sektor industri kreatif kepada KDNK negara pada tahun 2008. Ianya juga mempunyai potensi yang tinggi untuk menjana ekonomi serta memartabatkan budaya bangsa. Amat penting bagi negara kita dalam membangunkan satu dasar yang terancang dan komprehensif

Mengatahui tentang kepentingan industri ini, satu persidangan telah diadakan oleh pihak kementerian iaitu Persidangan Industri Kreatif pada 17 Mac 2009. Antara isu-isu yang diutarakan berkaitan tentang tiadanya penyelarasan dan dasar yang jelas mengenai pembangunan industri kreatif di negara ini. Oleh hal yang sedemikian, industri kreatif di negara kita perlu mewujudkan satu dasar bagi menjelaskan hala tuju dan pembangunan industri kreatif di Malaysia.

Tindakan diambil dan Dasar Industri Kreatif Negara atau singkatannya DIKN, telah digubal dan dijadikan sebagai pelan induk untuk menentukan prinsip-prinsip asas pembangunan industri kreatif. Dasar ini menjadi peneraju segala kegiatan kreatif secara lebih produktif dan ekonomikal melalui sinergi sektor awam dan swasta.

Dalam pembentangan bajet 2010, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa dalam menjadikan negara maju, kreativiti dan daya pemikiran yang luar biasa perlu ada. Sehubungan dengan itu, industri kreatif ini perlu dimajukan lagi supaya menyumbang kepada ekonomi Negara ini akan menjadi lebih tinggi. Industri ini meliputi seni persembahan dan muzik, reka bentuk, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan

Antara segmen yang diselaraskan oleh kerajaan kepada sektor industri kreatif:

- 1 Penggubalan Dasar Industri Kreatif sebagai asas dan pembangunan industri Negara yang lebih konprehensif

2. Sebanyak RM200 juta ringgit Dana Industri Kreatif telah disediakan untuk membiayai aktiviti seperti pengeluaran filem dan drama, muzik serta animasi. Bank Simpanan Nasional mengendalikan dana berbentuk pinjaman dengan kadar faedah rendah.
3. Penubuhan Tabung Kebajikan Pengiat Seni sejumlah RM 3juta juga turut di tubuhkan oleh kerajaan bagi memastikan kebajikan warga seni sentiasa terbela dan diperhatikan

Beberapa mesyuarat dan siri bengkel telah diadakan bagi membincang pembentukan dasar ini dan senarai dibawah merupakan beberapa dokumen yang dijadikan sebagai rujukan dalam membentuk dasar tersebut. Antaranya ialah:

- (i) Dasar Perfileman Negara
- (ii) Dasar dan Strategi Pembangunan Industri Muzik Negara
- (iii) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010
- (iv) Draf Dasar Strategi dan Program Pembangunan Kandungan Negara
- (v) Draf Dasar dan Strategi Pembangunan Industri Kreatif Seni Budaya dan Warisan (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan) dan
- (vi) Memorandum Daripada Persatuan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia (PFM) mengenai Pembangunan Industri Perfileman dan Kandungan Negara. (Unit Perancang Ekonomi, 2008)

1.1.2 JENIS-JENIS INDUSTRI KREATIF

I. SENI DAN KRAF

Meliputi bidang pekerjaan seperti tenunan, ukiran, pelukis dan pembuatan tembikar.

II. DESIGN

Pereka fesyen dan aksesori pakaian

III. MUZIK

Penyanyi, komposer dan penulis lagu, pengeluar rekod, pengeluar dan pengedar, dan pemaju teknologi.

IV. CINEMA DAN MEDIA

Pelakon, pengarah, animator, penerbit, penulis skrip, editor, wartawan, ejen bakat, peguam.

V. BUKU DAN SASTERA

Penulis dan editor.

VI. SENI PERSEMBAHAN

Penari, pereka tari, pereka set, pengarah, penulis drama, penerbit dan komposer.

VII. PERISTIWA

Pengurus dan penganjur untuk persembahan anugerah, ratu cantik, pentas produk dan lain-lain. (Dasar Industri Kreatif Negara, 2005)

1.1.3 KESENIAN DAN WARISAN PERLIS

Perlis merupakan sebuah negeri yang kecil, indah dan permai. Perlis juga kaya dengan kebudayaan tradisionalnya sejak berzaman lagi. Sejarah menyatakan, negeri yang 'Permai Lagi Indah' ini sangat bertuah kerana penyebaran dan perkembangan kebudayaan tradisionalnya ini dipelopori oleh golongan raja.

Semasa pemerintahan Tuanku Syed Saffi Ibni Almarhum Syed Alwi Jamalullail (1897-1905), baginda berusaha mencungkil berbagai kesenian yang ada kemudian diturunkan kepada puteranya iaitu Syed Alwi Ibni Almarhum Syed Saffi Jamalullail (1905-3 Februari 1943). Kesenian-kesenian itu bukan sahaja dipersembahkan di istana, malah turut dipersembahkan kepada rakyat jelata di seluruh pelusuk kampung terutamanya kesenian yang bermotifkan persesembahan. Sejak daripada itu, kebudayaan tradisional di Perlis ini terus berkembang sehingga munculnya kesenian baru akibat daripada kesan colonial Jepun yang menjajah Tanah Melayu ketika itu. Kesenian tersebut di pelihara dan dijaga sehingga kini. Kebiasaannya, kesenian-kesenian ini dipersembahkan ketika hari keramaian sahaja dan mempunyai masa-masa tertentu sepanjang tahun. (SUK Negeri Perlis, 2012)

1.1.4 JENIS-JENIS INDUSTRI KREATIF DI PERLIS

Di Perlis, sektor industri kreatifnya hanya terbahagi kepada dua sektor iaitu bidang Seni Persembahan dan Kraf Tangan.

I SENI PERSEMBAHAN

Seni persembahan merupakan salah satu bidang yang terdapat didalam sektor industri kreatif di Perlis. Seni persembahan ini terbahagi kepada empat jenis iaitu Tarian dan Seni Muzik Terinai, Hadrah, Bangsawan dan Beduan. Jenis-jenis seni persembahan ini bukanlah yang sememangnya di tetapkan oleh kerajaan negeri, tetapi sebaliknya seni persembahan inilah yang melambangkan identiti seni warisan negeri Perlis. (SUK Perlis, 2008)

Tarian dan Muzik Tarinai

Tarian dan muzik Terinai merupakan bentuk kesenian istana yang terdapat di Perlis, Kedah dan Kelantan. Kesenian ini selalunya dipersembahkan di majlis perkahwinan diraja. Kebanyakkan jalan cerita persembahan ini adalah adaptasi daripada cerita kehidupan sebenar di istana. Tarian ini ditarikan dengan menggunakan props seperti lilin dan melibatkan penari-penari wanita. Terdapat juga beberapa jenis tarian Terinai termasuklah Terinai Mengadap dan Layang Emas yang dipersembahkan oleh wanita, dan Ketam Bawa Anak dan Dewa Raja yang dipersembahkan oleh lelaki.

Semua pergerakan tarian teriani ini mempunyai perkaitan dengan alam semula jadi dan imaginasi alam. Instrument yang mengiringi tarian ini terdiri daripada serunai, gendang, tetawak, canang (6 biji) dan kesi.